

GPMS ingatkan siswa usah salah guna kebebasan

Kuala Lumpur: Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyambut baik pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, namun mengingatkan mahasiswa supaya bertanggungjawab terhadap peluang diberikan.

Presidennya, Zambri Mohd Isa, berkata mahasiswa perlu mengingati tujuan utama mereka memasuki universiti walaupun pindaan akta itu memberi keterbukaan untuk berpolitik.

“Saya setuju dengan pindaan yang membatalkan pemansuhan Seksyen 15(2)(c) AUKU, sekali gus memberi kebebasan berpolitik secara matang.

“Bagaimanapun, ruang diberikan ini jangan disalah guna, sebaliknya perlu seiring dengan tanggungjawab.

“Beberapa perkara mungkin dikhuatiri, termasuk kebebasan ‘total’ tanpa kawalan boleh membawa perpecahan dan universiti menjadi medan mengembangkan ideologi,” katanya ketika dihubungi

NSTP, di sini, semalam.

Dewan Rakyat kelmarin meluluskan pindaan terhadap AUKU 1971 membatalkan pemansuhan Seksyen 15(2)(c) AUKU yang menghalang mahasiswa terbabit aktiviti politik di kampus, sekali gus memberi lebih banyak ruang dan kebebasan bersuara serta berpolitik.

Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2018 itu diluluskan selepas bacaan kali ketiga oleh Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik.

Mengulas lanjut, Zambri juga menyarankan pihak kementerian mewujudkan satu garis panduan seragam berhubung perkara itu tanpa mengetepikan hak asas demokrasi.

“Perkara ini boleh dibincangkan dengan pihak universiti kerana mereka memiliki kuasa autonomi.

“Sebagai contoh, garis panduan siapa yang sesuai menyertai politik dan sebagainya. Tanpa garis panduan, tidak mustahil mereka



Ruang diberikan ini jangan disalah guna, sebaliknya perlu seiring dengan tanggungjawab”

Zambri Mohd Isa,
Presiden GPMS

mampu menubuhkan parti baharu dan bertanding pada pilihan raya umum,” katanya.

Seiring aspirasi menteri

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) Sesi 2018/2019, Muhammad Izzuddin Rosli, berkata pindaan itu seiring aspirasi Maszlee yang meminta pilihan raya kampus diuruskan sendiri oleh mahasiswa.

Beliau berkata, jika dulu pilihan raya kampus diuruskan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), ia mungkin boleh dikendalikan sepenuhnya mahasiswa pada masa depan.

“Perkara ini ada baik dan buruknya. Sudah tentu dengan pindaan ini, pelajar akan lebih cakna dan faham mengenai politik, malah pendidikan politik sudah dimulakan pada peringkat universiti.

“Namun, kita juga bimbang jika ada pihak terlalu taasub dengan politik dan bersikap ekstrem kerana masing-masing ada panda-

ngan tersendiri,” katanya.

Yang Dipertua MPP Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sesi 2017/2018, Muhammad Syahid Aiman Muhammad Bazlan, pula berkata melalui pindaan itu, mahasiswa kini boleh menyertai kegiatan politik secara langsung sama ada di luar mahupun dalam kampus.

Beliau berkata, ia adalah satu manifestasi memperkasakan mahasiswa, namun golongan itu juga perlu matang dalam berpolitik.

“Setiap kenyataan atau pandangan diutarakan perlu berasas dan dilakukan sedikit kajian terlebih dulu.

“Saya turut berharap tiada pihak menyalahgunakan kebebasan bersuara dengan menyebarkan perkara tidak benar atau menyentuh sensitiviti, demi memelihara keharmonian kampus dan negara.

“Selain itu, mereka digesa memamerkan imej positif sebagai mahasiswa dan membudayakan politik sihat di dalam mahupun luar kampus,” katanya.